

TARIKH : 23/8/2022

SURAT KHABAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 20

Majikan gagal patuh Akta 446 kena kompaun RM12.4 juta

Muar: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mengeluarkan kompaun berjumlah RM12.4 juta hasil 1,083 kertas siasatan ke atas majikan yang gagal mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446).

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JTKSM, Mohd Asri Abdul Wahab, berkata ia susulan pemeriksaan dilakukan pihaknya sejak Februari 2020 yang membabitkan 48,579 majikan dan 183,391 penginapan.

Daripada jumlah itu, katanya kira-kira 40 peratus atau 19,250 majikan didapati gagal mematuhi Akta 446 dengan 148 kertas siasatan dikenakan tindakan pendakwaan yang membabitkan denda RM1.2 juta.

"Antara alasan diberikan majikan adalah sukar mendapat kebenaran pembinaan penginapan dan permohonan sudah dilala-

kukan, namun belum mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan Operasi Khas Penginapan dan Asrama Pekerja di Taman Perindustrian Bukit Bakri, dekat sini, semalam.

Mohd Asri berkata, JTKSM sedia membantu majikan sekiranya mereka mempunyai masalah termasuk perkara berkaitan penginapan pekerja.

Bagaimanapun, katanya, pihak majikan perlu tampil kepada JTKSM dan PBT.

Mengulas operasi semalam, beliau berkata, sepanjang dua jam pemeriksaan bermula jam 10.30 pagi, sejumlah 528 pekerja

diperiksa di dua premis.

"JTKSM difahamkan pekerja di kedua-dua premis berkenaan disediakan penginapan atau asrama jenis binaan batu dan zink

yang mana kita sudah pun melihat asrama itu yang disediakan majikan.

"Penginapan pekerja berkenaan tidak mendapat perakuan penginapan dari pada JTKSM dan majikan masih belum membuat sebarang permohonan," katanya.

Beliau berkata, JTKSM masih melakukan siasatan terperinci terhadap majikan serta kawasan penginapan berkenaan dan jika gagal mematuhi Akta 446, mereka boleh dikenakan kompaun sehingga RM50,000 untuk setiap kesalahan.



Nasional / m/s 20 BH